



UMP jalin kerjasama dengan Mercedes Benz

Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan syarikat automotif berprestij iaitu Mercedes Benz Malaysia apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dalam memperkukuhkan, mempromosi dan membangunkan khususnya dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Objektif utama kerjasama MoU ini adalah untuk melahirkan jurutera yang berkelayakan dan berprestasi tinggi serta penempatan pelajar UMP di Mercedes Benz.

Kerjasama ini juga adalah pakatan strategik antara UMP dan Mercedes Benz bagi memberi latihan kepada pelajar UMP, keperluan penasihat dalam urusan akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Justeru, dengan adanya kerjasama ini diharap dapat melahirkan graduan-graduan yang lebih kompeten dan berdaya saing di dalam pelbagai aspek.

Penempatan latihan industri di Mercedes Benz juga amat bersesuaian kepada pelajar yang mengikuti program pengajian Dwi Ijazah yang ditawarkan di UMP.

Pihak Mercedes Benz sebelum ini telah menawarkan biasiswa kepada pelajar UMP yang mengikuti program pengajian Dwi Ijazah, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman, (HsKA).

Dalam MoU ini, UMP diwakili Naib Canselor, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor

(Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dato' Dr. Ir. Badhrulhisham Abdul Aziz, manakala Mercedes Benz Malaysia diwakili oleh Mr. Sebastian Streuff, Timbalan Presiden & Pengarah Urusan Kilang Pekan dan Mr. Matthias Adis, Pengurus Kanan Sumber Manusia.

Menurut Dr. Daing Nasir, MoU ini merupakan salah satu aktiviti pengantarabangsaan yang merupakan agenda penting yang terkandung di dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.

"Kedudukan UMP di Pekan yang strategik berdekatan dengan industri automotif yang antaranya melibatkan syarikat DRB-Hicom, Mercedes-Benz, Volkswagen dan Toyota menjadikan program kerjasama ini mampu memenuhi kehendak pasaran dalam bidang yang semakin berkembang maju ini.

"Industri automotif di Malaysia masih memerlukan tenaga pekerja yang mempunyai kemahiran tinggi bersesuaian dengan kehendak sektor automotif hari ini dan UMP bakal menyediakan graduan yang kompeten bagi memenuhi keperluan industri," kata beliau ketika berucap di Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di JW Marriot Hotel, Kuala Lumpur pada 8 Mac 2013 yang lalu.

Beliau menambah, pengantarabangsaan sesebuah institusi pengajian tinggi adalah amat penting dalam

merencana hala tuju sesebuah universiti ke arah universiti bertaraf dunia.

"Untuk itu, kerjasama ini dapat memartabatkan lagi kecemerlangan pendidikan dalam usaha menjadikan UMP sebagai hub pendidikan serantau," kata Daing Nasir.

"Ini dilihat sebagai nilai tambah yang akan diperolehi oleh UMP dan ia boleh dijadikan satu kelebihan kepada UMP untuk mendapatkan calon-calon pelajar yang berpotensi," katanya.

Turut hadir menyaksikan MoU tersebut iaitu Pengerusi Lembaga UMP, Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib dan Dr. Ernst Röder-Messell (Eanst Ghude Messe), Counsellor For Economics, Commercial & Environmental Affairs, German Embassy Kuala Lumpur.

